

Nasihat Perdana Menteri kepada semua atlit negara

Kikis imej 'jaguh kampung'

Oleh JASNI SHAFIE
UM - 9 JUN 1993

PERDANA Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu atlit negara mengikis imej jaguh kampung yang hanya mampu mencatatkan kejayaan tertinggi apabila pertandingan dilangsungkan di hadapan penyokong sendiri.


Menurutnya, jika pencapaian ini berterusan, negara akan menjadi bahan ejekan oleh lawan dan orang lain.

Sebaliknya, Dr. Mahathir berkata, matlamat Malaysia ialah untuk menjadi juara dunia walau di mana sekalipun pertandingan itu dilangsungkan.

"Kita tidak harus selamanya menjadi juara kampung. Kita mahu jadi juara dunia. Itu matlamat kita. Setiap atlit harus mempunyai cita-cita untuk menjadi juara dunia," katanya pada upacara penyerahan bendera kepada kontinjen Malaysia ke Sukan SEA Ke-17 di Kem Latihan Nasional, ILSAS, Bangi semalam.

Tanpa menyebut atau merujuk kepada pasukan atau sukan tertentu, Dr. Mahathir berkata, sekiranya Malaysia hanya mampu menang di hadapan penonton sendiri, yang menang hukanlah atlit itu, sebaliknya penyokong atau orang luar.

Imej 'jaguh kampung' sebelum ini diberikan kepada pasukan badminton negara, terutama pemain



perseorangan, Rashid Sidek yang hanya memenangi kejohanan besar yang di Kuala Lumpur, tetapi gagal apabila bertanding di luar negara.

Kegagalan terbaru Rashid serta pasukan badminton negara yang menjuarai Piala Thomas di Stadium Negara tahun lalu ialah pada Kejohanan Sedunia di Birmingham, England yang berakhir kelmarin.

Perdana Menteri yang menghabiskan masa hampir dua jam bersama atlit di ILSAS mempersoalkan apakah Malaysia hanya gagah di gelanggang sendiri sahaja. "Jika kita hanya kuat di tempat sendiri, sampai bila pun kita tidak akan berjaya di luar negara," katanya.

Dr. Mahathir berkata, selain bergantung kepada sokongan padu penyokong tempatan untuk meraih kemenangan, atlit juga mungkin berharap penonton menjejaskan tumpuan lawan dengan cara mengejek atau sebagainya.

Untuk mengatasi masalah ini, Perdana Menteri mahu atlit Malaysia mempunyai disiplin dan semangat berjuang tinggi kerana semangat tidak seharusnya datang daripada penyokong, tetapi dari dalam diri atlit itu sendiri.

"Jika ini (semangat) ada, kita tidak perlu sokongan, tetapi semangat dalam diri sudah mencukupi untuk menggunakan tenaga dan kecekapan sepenuhnya bagi mencapai kejayaan.

"Kalau kita perhatikan orang Afrika yang mempunyai tubuh badat tinggi dan nampak kuat, tetapi mereka herbeza dengan orang Afrika yang tinggal di Amerika Syarikat. Mereka ini bersemangat, gigih berlatih dan sentiasa menyertai pertandingan. Akhirnya mereka lehi herjaya daripada orang Afrika di negara mereka sendiri," katanya.

Beliau mengimbas kejayaan cemerlang Malaysia pada Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur yang

menurutnya "agak luar hiasa walaupun tidak menjadi juara".

Tetapi, kata Dr. Mahathir, pencapaian kita pada temasya di Manila dua tahun kemudian tidak terlalu haik. "Ini mungkin kerana tiada penyokong. Kalau kita terlalu bergantung kepada tepuk sorak baru kita mendapat kemenangan, ini hermakna kejayaan kita bukan saja dengan kekuatan fizikal, tetapi dengan sokongan penyokong," ujarnya.

Beliau mahu atlit mengikiskan perasaan gentar dan lemah semangat apabila merasai akan menerima kekalahan dalam sesuatu pertandingan kerana ia boleh menjejaskan tumpuan dan prestasi ketika hertanding.

"Oleh itu, kita harus memastikan disiplin menguasai diri kita, selain berdisiplin dalam berpasukan serta menerima arahan jurulatih," katanya.

Dalam upacara itu, Dr. Mahathir menyerahkan bendera Malaysia kepada Ketua Kontinjen ke Sukan SEA Ke-17 di Singapura yang akan hermula Sahtu ini, Dato' Khalid Yunus. Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Dato' Annuar Musa.

Perdana Menteri turut menyerahkan RM500,000 sumbangan Kerajaan Pusat kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk memhiyai kontinjen negara ke Sukan SEA di Singapura.